

MAHATHIR - DASAR 'R'W'R

I

DARI REJAL ARBEE

1982

NEW YORK, 30 SEPT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MERAYU NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA SEGERA MENUKAR KEMBALI DASAR-DASAR MEREKA UNTUK MEMBEBASAKAN DUNIA DARIPADA KANCAH KEMELESETAN YANG DIALAMI SEKARANG.

BELIAU MENYEBUT KADAR FAEDAH YANG TINGGI DAN SIKAP PERLINDUNGAN PERDAGANGAN YANG KIAN MENINGKAT SEBAGAI DUA DASAR DI KALANGAN MEREKA YANG MENGAKIBATKAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA.

MENGGAMBARAKAN SENARIO JATUHNYA KERAJAAN DAN TERJADINYA HURU HARA KIRANYA KEMELESETAN EKONOMI BERLARUTAN, PERDANA MENTERI BERKATA DUNIA KINI SUDAH TERUK.

+KITA MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA. KITA MAHUKAN SEGALA DASAR YANG JELAS RINCANG DITUKAR KEMBALI,+ KATA BELIAU DALAM UCAPAN SULUNGNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-37 BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI SEMALM (AWAL PAGI INI DI MALAYSIA).

DALAM HUJAHNYA YANG MENGAMBIL MASA 40 MINIT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +KITA INGIN MERAYU KEPADA MEREKA YANG MEMPUNYAI BESAR PENGARUH YANG BEGITU BESAR, MENGAMBIL BERAT AKAN KEPERLUAN DUNIA.+ - LAGI 0950/BW

MAHATHIR - DASAR 2 NEW YORK 'R'W'R

+TUKAR KEMBALI DASAR-DASAR YANG DIAMALKAN SEKARANG DAN DUNIA AKAN MENINGATI TINDAKAN ITU SEBAGAI LANGKAH PENYELAMAT,+ TAMBAH BELIAU.

DALAM UCAPANNYA YANG BERTERUS TERANG TANPA UNGKAPAN-UNGKAPAN DIPLOMATIK YANG MANIS YANG SELALUNYA DIDENGARI DI BADAN DUNIA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN INI:

+ EKONOMI DUNIA TIDAK BOLEH BERLARUTAN SEPERTI BEGINI. TUMPAH DARAH, RUSUHAN DAN REVOLUSI ADALAH AKIBATNYA. KERAJAAN AKAN TUMBANG DAN HURU HARA AKAN BERLAKU.

+ LEBIH LAMA KEMELESETAN BERLANJUTAN, LEBIH LAMALAH TEMPOH YANG DIPERLUKAN UNTUK KEADAAN PULIH SEMULA.+

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA KEMELESETAN SEKARANG ADALAH BUATAN MANUSIA, AKIBAT TINDAKAN +ORANG-ORANG YANG BERFIKIRAN CETEK+ DI NEGARA-NEGARA KUASA BESAR. - LAGI 1022/BW

MAHATHIR - DASAR 3, NEW YORK 'R' 'R' 'R'

BELIAU BERKATA ANTARA KEPUTUSAN YANG KETARA MENYEBABKAN KEMEROSOTAN PERDAGANGAN DUNIA IALAH PERTAMBAHAN KADAR FAEDAH. +KOS KEWANGAN YANG TINGGI TELAH MENGURANGKAN PELABURAN, MENJEJAS BILANGAN PERALATAN DAN MENGAKUKAN DAYAUSAHA PERNIAGAAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+AKIBATNYA, SEJUMLAH BESAR BARANGAN TERBIAR TIDAK DIJUAL ATAU DIBELEI, MENYEBABKAN PENURUNAN HARGA.

+WALAUPIUN ADA PIHAK YANG MENIMBA KEKAYAAN DALAM KEADAAN KEMELESETAN INI, TETAPI PADAHNYA BURUK DARI SEGI PENGANGGURAN, KEBANKRAPAN DAN PENDERITAAN RAKYAT.+

PERDANA MENTERI LALU MENEGASKAN: +OLEH KERANA KEMELESETAN ADALAH BUATAN MANUSIA, IANYA MESTILAH DISELESAIKAN OLEH MANUSIA JUGA.+

BELIAU BERKATA UNTUK TUJUAN INI, LANGKAH PERTAMA IALAH MENURUNKAN KADAR FAEDAH WALAUPIUN IA MUNGKIN MENINGKATKAN SEDIKIT KADAR INFLASI. -- LAGI 1035/MK

B514

MAHATHIR - DASAR 4 NEW YORK 'R' 'R' 'R'

LANGKAH KEDUA, KATANYA, IALAH PENGURANGAN, JIKA TIDAK PENG- HAPUSAN, SIKAP PERLINDUNGAN NEGARA-NEGARA KAYA.

+SEKIRANYA INI TIDAK DAPAT DILAKUKAN, SETIDAK-TIDAKNYA DASAR PERLINDUNGAN HENDAKLAH DIAMALKAN DENGAN LEBIH WAJAR,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN JANGANLAH DIKENAKAN SEBARANG TINDAKAN PERLINDUNGAN.

INI AKAN DAPAT MENGURANGKAN SEDIKIT TEKANAN KEMELESETAN YANG DIRASAI OLEH MEREKA.

MENGENAI ISU BARANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA KINI BERUSAHA UNTUK MENGUBAH SISTEM PEMASARAN YANG MEMBERI FAEDAH HANYA KEPADA PARA BROKER, PEDAGANG DAN PIHAK-PIHAK YANG MEMBUAT SPEKULASI.

KATANYA, MEREKA INI MENDAPAT KEUNTUNGAN KETIKA HARGA NAIK DAN JUGA APABILA HARGA TURUN. - LAGI 1047/BW

B516

MAHATHIR - DASAR 5 NEW YORK 'R'R'R

+DENGAN DEMIKIAN, SUDAH TENTULAH MEMANFAATKAN MEREKA UNTUK MENYEBABKAN KEADAAN TURUN NAIK HARGA BARANGAN,+ TAMBAH BELIAU. PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA KINI BERUSAHA UNTUK MENGWUJUDKAN SISTEM PEMASARAN GETAH DAN TIMAH YANG LEBIH SAKSAMA YANG MEMBERI HARGA BERPATUTAN SAMBIL MENJAMIN BEKALAN YANG CUKUP UNTUK KEGUNAAN DUNIA.

MALAYSIA SEDANG BERUSAHA UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PERSATUAN PARA PENGELUAR YANG VIABLE DAN BERKESAN.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, PENUBUHAN PERSATUAN INI BUKANLAH MERUPAKAN SATU DAYAUSAHA UNTUK MENGWUJUDKAN KEADAAN MONOPOLI. - LAGI 1100/BW

B521

MAHATHIR - DASAR 6 NEW YORK R'R'R

+KITA SEDAR SEKIRANYA KITA BERSIKAP TIDAK MUNASABAH, IANYA AKAN MEMBAWA KEPADA PENGURANGAN PENGGUNAAN DAN PERALIHAN KEPADA BAHAN-BAHAN GANTIAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+KITA BERHARAP NEGARA-NEGARA PENGELUAR MANA SAJA AKAN MENYEDARI PERLUNYA STRATEGI INI DAN MENYERTAINYA.+ BELIAU BERKATA HARGA BARANGAN KINI TERUK SEKALI AKIBAT KEMELESETAN.

KATANYA: +BEKALAN TIDAK KURANG DAN PERMINTAAN JUGA TIDAK KURANG TENAGA TERDAPAT DENGAN BANYAKNYA DAN PARAS TEKNOLOGI PULA DI PERINGKAT TINGGI YANG BELUM PERNAH TERCAPAI.

+NAMUN DEMIKIAN, TIBA-TIBA TIADA SEORANG PUN MAHU MEMBELI APA YANG SEHARI SEBELUMNYA TIDAK CUKUP BAGINYA. MEREKA YANG MAHU MEMBELI PULA TIDAK MEMPUNYAI TUKARAN ASING YANG DIPERLUKAN. -- LAGI 1116/MK

8525

MAHATHIR - DASAR 7 NEW YORK R'R'R'

+MALAHAN, TERDAPAT NEGARA-NEGARA YANG TERPAKSA MENGGADAI-  
KAN MARUAH UNTUK HIDUP.+

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN ERA EMPAYAR PADA HAKIKATNYA  
TELAH BERLALU, DUNIA BELUM LAGI MENJADI TEMPAT YANG LEBIH  
BAIK UNTUK MEREKA YANG SEBELUM INI DIJAJAH.

KEADAAN INI, TAMBAH BELIAU, DISEBABKAN OLEH NEGARA-  
NEGARA KAYA YANG BERGABUNG UNTUK MENGEKALKAN PENGUASAAN EKONOMI,  
YANG DIANGGAP OLEH BEBERAPA PIHAK SEBAGAI MERUPAKAN SATU BENTUK  
IMPERIALISME.

MALAYSIA, KATANYA, ASANGAT TERJEJAS DENGAN HAL INI.

+SEBAGAI SEBUAH NEGARA, KITA MEMATUHI PERATURAN, YANG RASMI  
DAN TIDAK RASMI, YANG DITETAPKAN DALAM HUBUNGAN EKONOMI ANTARA  
NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1136/MK

8528

MAHATHIR - DASAR 8 NEW YORK R'R'R'

+KITA TIDAK MEMILIKNEGARAKAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG DITUBUH  
SEMASA ZAMAN PENJAJAHAN, YANG SEBENARNYA MERUPAKAN PENIMBAAN  
KEKAYAAN NEGARA UNTUK ORANG-ORANG ASING YANG KEBANYAKAN TIDAK  
TAHU DI MANA TERLETAKNYA MALAYSIA, APATAH LAGI MENGAMBIL  
BERAT AKAN KESEJAHTERAAN RAKYATNYA.+

+TETAPI, KESABARAN DAN SIKAP ADIL YANG KITA AKAN AMALKAN  
DIUJI SAMPAI KE HADNYA DENGAN MANIPULASI PASARAN ASING YANG PADA  
HAKIKATNYA MENJADIKAN RAKYAT KITA SEKADAR BURUH YANG DIBAYAR  
GAJI SAHAJA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEBAGAI PENGELUAR GETAH,  
TIMAH DAN MINYAK SAWIT, PARA PENGELUAR MALAYSIA BERHAK MENDAPAT  
PULANGAN YANG BERPATUTAN SEPERTI JUGA PENGELUAR BARANG-  
BARANG BUATAN DI NEGARA MAJU. -- LAGI 1155/MK

B529:

MAHATHIR-DASAR 9 NEW YORK R'R'R'

KATANYA USAHA UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN UTAMA TIDAK LAGI SEKADAR MEMERLUKAN TANAH ATAU LOGAM DAN TENAGA BURUH YANG MURAH.

'KINI, MODAL YANG BESAR DIPERLUKAN UNTUK MENEROKA, MENGEKSPLORASI DAN MEMBANGUN DAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN,' TAMBAH BELIAU.

TERDAPAT PULA TANDA-TANDA BAHAWA KOS DAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN AKAN MENINGKATKAN LAGI DALAM TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

'JADI, WANG DIPERLUKAN BUKAN SAHAJA SEBAGAI KEUNTUNGAN TETAPI JUGA UNTUK PEMBANGUNAN BAGI PENDAPATAN KITA DAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DUNIA,' KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA SEMENTARA HARGA BARANG-BARANG BUATAN DITETAPKAN MENGIKUT KOS PENGELUARAN, PEMASARAN DAN UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN YANG BESAR, HARGA BARANGAN UTAMA PULA TIDAK NAMPAK MEMPUYAI HUBUNGAN DENGAN KOS-KOS SEDEMIKIAN.

-- LAGI 1155/LK

B531

MAHATHIR - DASAR 10 NEW YORK

+HARGANYA DITETAPKAN SEWENANG-WENANGNYA MENGIKUT KEHENDAK ORANG-ORANG YANG TIDAK MEMPUYAI SEBARANG HUBUNGAN DENGAN PENGELUARANNYA,+ TAMBAH BELIAU.

BURSA-BURSA YANG TERLETAK DI NEGARA-NEGARA MAJU MEMANIPULASIKAN HARGA UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN BAGI PARA BROKER, PEDAGANG, PIHAK-PIHAK YANG MEMBUAT MANIPULASI DAN LAIN-LAIN.

BURSA-BURSA INI JUGA DIJADIKAN +KELAB EKSKLUSIF+ DI MANA PARA PENGELUAR TIDAK MUNGKIN MENJADI ANGGOTA.

KATANYA ORANG-ORANG INI YANG BERNIAGA DI BURSA-BURSA ITU JUGA MERUPAKAN PIHAK YANG MENETAP DAN MENGUATKUASAKAN PERATURAN DAN MENJADI PENIMBANGTARA. -- LAGI 1220/MK

B532

MAHATHIR - DASAR 11 NEW YORK

+JADI, TIDAKLAH HAIRAN JIKA MEREKA MENUKARKAN PERATURAN APABILA KEPENTINGAN MEREKA TERANCAM. DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, MEREKA BUKAN SAHAJA TERSELAMAT TETAPI JUGA MENDAPAT KEUNTUNGAN YANG LUMAYAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

+BEGINILAH KEADAANNYA DENGAN PASARAN SETAH DAN TIMAH HARI INI.

+IA TELAH MENGKUCAR-KACIRKAN EKONOMI NEGARA SAYA.  
+KITA TELAH BERUSAHA MENGURANGKAN TURUN NAIK HARGA DENGAN  
MENGADAKAN PERJANJIAN ANTARA PARA PENGELOUAR DAN PENGGUNA.  
+TETAPI, ATURAN INI MERUGIKAN PARA PENGELOUAR APABILA  
APABILA HARGA TURUN DAN MENGUNTUNGKAN PARA PENGGUNA APABILA  
HARGA NAIK. IA MERUPAKAN KEADAAN KITA PASTI TIDAK AKAN MENANG.+  
-- LAGI 1221/MK

8533

MAHATHIR - DASAR 12 NEW YORK

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +SUDAPLAH KEADAAN BEGINI,  
AMERIKA SYARIKAT PULA MENGHIMPUN SIMPANAN STOK, KONONNYA UNTUK  
TUJUAN STRATEGIK (YANG BERERTI TUJUAN KESELAMATAN).

+KITA MENYOKONG PENUH PERLUNYA AMERIKA SYARIKAT MENGHIMPUN  
SIMPANAN-SIMPANAN STRATEGIK, TETAPI PENTADBIRAN SIMPANAN INI  
JELAS MENUNJUKKAN IANYA BUKAN DIDORONG OLEH MASALAH-MASALAH  
STRATEGIK.

+STOK SIMPANAN HANYA MERUPAKAN SENJATA MONOPOLI SEBUAH NEGARA  
KAYA UNTUK MENEKAN HARGA BARANGAN BAGI KEPENTINGAN PARA PENGGUNA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: BEGINILAH KEADAANNYA  
BAGI NEGARA-NEGARA PENGELOUAR YANG TERPAKSA MENJUAL TIGA HINGGA  
LIMA KALI LEBIH BANYAK BARANGAN UNTUK MEMBELI BARANG-BARANG  
BUATAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU PADA JUMLAH YANG SAMA YANG  
DIPEROLEHI 20 TAHUN DAHULU. -- LAGI 1235/MK

MAHATHIR - DASAR 13 NEW YORK

+PENDEK KATA, JURANG ANTARA YANG KAYA DAN YANG MISKIN  
TELAH DIPERLUASKAN ANTARA 300 HINGGA 500 PERATUS DALAM  
TEMPOH LEBIH KURANG 20 TAHUN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN PENGHUJAH PERTAMA  
DI SESSI SEBELAH PETANG SEMALAM.

PUTERA NORODOM SIHANOUK, PRESIDEN KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA,  
ADALAH DI ANTARA MEREKA YANG MENGIKUTI UCAPAN ITU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MERAIKAN PEMIMPIN  
KAMPUCHEA ITU DI SATU MAJLIS MAKAN TENGAHARI. TURUT  
HADIR IALAH MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN RAKAN-  
SEJAWATNYA DARI NEGARA-NEGARA ASEAN. -- BERNAMA 1238/MK